



Apa itu Perlembagaan Persekutuan?



Pengenalan

Perlembagaan Persekutuan Malaysia (“Perlembagaan”) adalah dokumen yang paling penting di dalam negara kita kerana ia menentukan landasan negara kita.

- Ia mewujudkan sistem demokrasi kita
- Ia menghadkan kuasa kerajaan
- Ia menyatakan hak-hak kita

Perlembagaan adalah undang-undang utama negara kita. Ini bermakna ia menentukan siapa yang boleh menggubal undang-undang, dan menghadkan undang-undang yang boleh digubal.

Mengapakah anda harus tahu apa yang terkandung di dalam Perlembagaan?

Kerana Perlembagaan menentukan cara hidup kita dan bagaimana kita diperintah. Contohnya:

Perlembagaan menyatakan bahawa kita

- adalah rakyat Malaysia
- boleh memilih pemimpin-pemimpin kita
- mempunyai Parlimen yang menggubal undang-undang
- mempunyai mahkamah dan para hakim
- mempunyai kerajaan persekutuan dan tiga belas kerajaan negeri
- hak asasi kita dijamin.

Bahagian yang terkandung di dalam Perlembagaan

16 Bahagian

- Bahagian I: Negeri-Negeri, Agama dan Undang-Undang Persekutuan
- Bahagian II: Kebebasan Asasi
- Bahagian III: Kewarganegaraan
- Bahagian IV: Persekutuan
- Bahagian V: Negeri-Negeri
- Bahagian VI: Hubungan di antara Persekutuan dan Negeri-Negeri
- Bahagian VII: Peruntukan Kewangan
- Bahagian VIII: Pilihanraya
- Bahagian IX: Badan Kehakiman
- Bahagian X: Perkhidmatan-perkhidmatan Awam
- Bahagian XI: Kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, Keganasan Terancang, dan Perbuatan dan Jenayah yang Memudaratkan Orang Awam dan Kuasa Darurat
- Bahagian XII: Am dan Pelbagai
- Bahagian XIII: Perlindungan Tambahan bagi Negeri Sabah dan Sarawak
- Bahagian XIV: Peruntukan Sementara dan Peralihan
- Bahagian XV: Prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja